

01 AUG 2002

LID-MAHATHIR (MESYUARAT)/I

DR MAHATHIR SIBUK HADIRI MESYUARAT DUA HALA DAN DIALOG

LANGKAWI, 1 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjalani atur cara yang sibuk sebaik tiba di sini untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Perkongsian Pintar Global 2002 (Global 2002) yang bermula hari ini.

Dr Mahathir yang tiba pagi ini, meninjau beberapa projek pembangunan di pulau peranginan di sini sebelum memulakan beberapa mesyuarat dua hala di Pelangi Beach Resort, tempat Global 2002 dilangsungkan.

Perdana Menteri mengadakan pertemuan selama 40 minit dengan Presiden Namibia Dr Sam Nujoma sebelum mengadakan perbincangan dengan Presiden Sudan, Lt Jen Omer Hassan Ahmed Al-Bashir, selama kira-kira 30 minit.

Selepas makan tengah hari, Dr Mahathir meneruskan jadual ketatnya dengan menghadiri sesi dialog tertutup dengan ketua-ketua negara dan kerajaan rakan Perkongsian Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi (CPTM) di Dewan Cenang, bangunan dua tingkat di resort itu.

Antara pemimpin yang menghadiri mesyuarat itu ialah Nujoma, Omer Hassan dan Timbalan Presiden Afrika Selatan Jacob Zuma manakala CPTM diwakili wakil khas Perdana Menteri bagi CPTM, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman dan ketua eksekutif CPTM Datuk Dr Mihaela Smith.

Global 2002 yang bermula hari ini hingga Sabtu, dianjurkan bersama oleh CPTM dan Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia bagi Teknologi Tinggi (MiGHT).

"Ia adalah sesi tertutup, bukan untuk disiarkan dan ia merupakan perbincangan mesra dan agenda terbaik dalam keseluruhan dialog itu. Setakat yang membabitkan ketua-ketua negara itu, mereka berbincang dan bercakap mengenai isu-isu penting bersama.

"Mereka berkongsi pengalaman dan kerana ia bukan untuk disiarkan, mereka bercakap secara terbuka dan bebas," kata Dr Omar.

Beliau berkata kebanyakan ketua-ketua negara dan kerajaan sudah tiba untuk Global 2002 manakala beberapa pemimpin lain dijangka tiba hari ini.

Dr Mahathir akan merasmikan Global 2002 dan meraikan tetamu pada jamuan malam di Dewan Langkapuri di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri yang terletak kira-kira 5 km dari venue utama dialog itu malam ini.

Perasmian itu akan disiarkan secara langsung oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM) menerusi RTM 1.

-- BERNAMA

SR SHY SD LAT